

## Helaian Pendedahan Produk

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Kad Debit-i Hong Leong. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat Kad Debit-i.



### Kad Debit-i Hong Leong

Tarikh: Dikemaskini pada November 2016

#### 1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?

Kad Debit-i Hong Leong ini adalah suatu instrumen pembayaran yang membolehkan anda membuat bayaran bagi barang dan perkhidmatan daripada akaun deposit anda di kedai dan perkhidmatan yang turut serta melalui rangkaian MasterCard atau MEPS. Kad Debit-i ini juga membolehkan anda membuat pengeluaran wang tunai di Mesin Juruwang Automatik (ATM). Anda dikehendaki mengekalkan akaun deposit dengan kami, yang akan dipautkan kepada Kad Debit-i anda. Jika anda menutup akaun deposit di Hong Leong Islamic Bank (HLISB)/Hong Leong Bank (HLB), anda tidak boleh melakukan apa-apa transaksi dengan Kad Debit-i. Pelanggan hendaklah membaca dan memahami Terma dan Syarat Kad Debit-i Hong Leong sebelum menandatangani perjanjian dan menggunakan Kad Debit-i.

#### 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Prinsip-prinsip Syariah yang digunakan adalah:

##### 1. Wakalah

Ini merujuk kepada kontrak di mana pihak prinsipal (muwakkil), membenarkan pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran.

##### 2. Ujrah

Ini merujuk kepada komisen atau bayaran yang dikenakan bagi kemudahan atau perkhidmatan yang diberikan.

#### 3. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

##### • Pengeluaran Tunai di ATM

Pengeluaran wang tunai dalam Negara dan luar negara daripada lebih 1 juta mesin ATM yang mempamerkan logo MEPS, VISA, PLUS, MasterCard atau Cirrus.

##### • Kemudahan Pembayaran

Membuat pembelian di mana-mana peniaga dalam negara dan seluruh dunia yang memaparkan logo Visa / MasterCard, dan juga peniaga e-debit MEPS. Anda juga boleh membayar bil, memindahkan wang dan membuat pembelian dalam talian.

##### • Penerimaan PayPass/MCCS Transaksi Tanpa Sentuhan

Membuat pembayaran dengan satu lambakan – cara yang cepat, transaksi tanpa sentuhan dan mudah untuk membuat pembayaran.

##### • Diskaun dan Keistimewaan

Menikmati diskau eksklusif apabila menjamu selera, membeli-belah, melancong dan lain-lain lagi di tempat peniaga terpilih hanya menggunakan Kad Debit-i Hong Leong.

#### 4. Apakah terma dan syarat Utama?

- Jumlah pra-kebenaran sebanyak RM 200 akan dicaj ke Akaun Pembelian Runcit yang dikaitkan dengan Kad Debit-i untuk pembayaran yang dibuat pada dispenser bahan api automatik. Jumlah pra-kebenaran akan dikreditkan kembali dan jumlah transaksi sebenar akan dicajkan ke Akaun Pembelian Runcit anda apabila penyelesaian dengan pihak peniaga dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.
- Sebagai alternatif, anda boleh memilih untuk membayar dengan Kad Debit-i anda di kaunter juruwang untuk mengelakkan pegangan jumlah pra-kebenaran.

#### 5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Penerangan Fi & Yuran	Fi/Yuran (tidak termasuk GST)	GST (6%)	Fi/Yuran (termasuk GST)
<b>Fi Pengeluaran</b>			
Akaun Simpanan Asas-i/Akaun Semasa Asas-i (BSA-i/BCA-i)	Tiada Yuran	Tidak Berkenaan	Tiada Yuran
Generic/Junior	RM8 setiap kad	RM0.48 setiap kad	RM8.48 setiap kad
Kad Perbankan Prioriti ('PB')	Tiada Yuran	Tidak Berkenaan	Tiada Yuran
<b>Fi Tahunan</b>	RM8 setiap kad (kecuali BSA-i/BCA-i/PB)	RM0.48 setiap kad (kecuali BSA-i/BCA-i/PB)	RM8.48 setiap kad (kecuali BSA-i/BCA-i/PB)

"Tiada Yuran" adalah terpakai jika Kad Debit-i hanya dipautkan dengan BCA-i/BCA-i. Jika sebaliknya, Fi Pengeluaran dan Fi Tahunan akan dicaj.

Penerangan Fi & Yuran	Fi/Yuran (tidak termasuk GST)	GST (6%)	Fi/Yuran (termasuk GST)
<b>Fi Penggantian Kad**</b>			
Perbankan Prioriti ('PB")	RM9.00 setiap kad	Tidak Berkenaan	RM9.00 setiap kad
BSA-i/BCA-i	RM12.00 setiap kad	Tidak Berkenaan	RM12.00 setiap kad
Akaun Simpanan-i/Akaun Semasa-i selain daripada BSA-i/BCA-i	RM18.00 setiap kad	Tidak Berkenaan	RM18.00 setiap kad

\*\*Bagi kerosakan Kad Debit-i disebabkan kesalahan Pemegang Kad dan kehilangan/kecurian.

<b>Pengeluaran Wang Tunai di ATM</b>			
Dalam Negara			
• ATM Bank	Tiada Yuran RM1 setiap transaksi	Tidak Berkenaan RM0.06 setiap transaksi	Tiada Yuran RM1.06 setiap transaksi
• ATM Bank Lain			
Luar Negara			
• Melalui rangkaian ATM MEPs (Indonesia, Thailand, Singapore & Korea)	RM8 setiap transaksi	RM0.48 setiap transaksi	RM8.48 setiap transaksi
• Melalui Master Card Cirrus	RM12 setiap transaksi	RM0.72 setiap transaksi	RM12.72 setiap transaksi
<b>Penyata Bulanan Debit Kad (Penyata Bercetak)</b>	RM2 sebulan	RM0.12 sebulan	RM2.12 sebulan
<b>Penyata Bercetak berdasarkan Permintaan</b>	RM10.00 setiap permintaan	RM0.60 setiap permintaan	RM10.60 setiap permintaan
Nota:  RM2.12 akan dicaj untuk setiap halaman jika kenyataan kurang dari setahun atau RM5.30 setiap halaman jika kenyataan lebih dari satu tahun			
<b>Fi Dapatkan semula Draf Jualan</b>	RM20 setiap salinan	RM1.20 setiap salinan	RM21.20 setiap salinan
<b>Transaksi Luar Negara</b>	Transaksi dalam mata wang asing akan ditukarkan pada kadar pertukaran asing dan penyebaran, jika ada, sebagaimana yang telah ditentukan oleh MasterCard Worldwide, ditambah 1% kadar tambahan yang dikenakan oleh Bank.	Tidak Berkenaan	Transaksi dalam mata wang asing akan ditukarkan pada kadar pertukaran asing dan penyebaran, jika ada, sebagaimana yang telah ditentukan oleh MasterCard Worldwide, ditambah 1% kadar tambahan yang dikenakan oleh Bank.

**Penting:** Berkukuasa 1 April 2015, Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) akan dikenakan ke atas yuran dan caj, yang mana berkenaan.

#### 6. Bagaimana jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

Anda mestilah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah kehilangan Kad Debit-i, tidak mendedahkan nombor PIN/butir-butir kepada sesiapa ju. Jika berlaku kehilangan atau kecurian Kad Debit-i tersebut, anda mestilah memberitahu Bank dengan serta-merta, disusuli dengan satu salinan laporan polis, dengan itu tanggungan maksimum bagi transaksi runcit tanpa izin dihadkan kepada RM 250 (dengan syarat anda tidak melakukan perbuatan tipu/menyalahi undang-undang).

Anda bertanggungjawab sepenuhnya atas segala transaksi ATM tanpa izin.

#### 7. Apakah risiko utama?

Kad Debit-i anda hilang/dicuri. Anda hendaklah serta-merta memberitahu Bank di **03-7626 8899** untuk menyekat penggunaan Kad Debit-i anda sebaik sahaja mengetahui Kad Debit-i anda hilang atau dicuri atau transaksi tanpa izin telah dilakukan.

#### 8. Apakah yang perlu saya lakukan jika butir-butir perhubungan saya berubah?

Untuk memastikan segala surat-menjurat sampai ke tangan anda tepat pada waktunya, anda dikehendaki memberitahu kami jika terdapat sebarang perubahan dalam butir-butir perhubungan dan/atau peribadi. Untuk mengemaskinikan butir-butir perhubungan dan/atau peribadi anda, sila hubungi Pusat Hubungan Hong Leong kami di **03-7626 8899** atau kunjungi mana-mana cawangan kami di seluruh negara.

## **9. Dimanakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

- **Hong Leong Debit Cards**  
P.O Box 12372  
50776 Kuala Lumpur Malaysia
- **Pusat Hubungan Hong Leong /Perbankan Telefon Layar Diri**  
03-7626 8899  
(Para Pegawai Perhubungan Pelanggan sedia berkhidmat dari 7.00 pagi hingga 12 pagi setiap hari manakala Perbankan Telefon Layar Diri adalah 24 x 7)
- **Laman Web:** [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my)
- **Atau kunjungi mana-mana cawangan kami di seluruh negara**

## **10. Transaksi Tanpa Sentuh**

### **Had Transaksi Tanpa Sentuh**

- Had transaksi tanpa sentuh anda adalah RM250. Anda tidak perlu memasukkan PIN apabila kad anda disentuh atau diimbaskan pada pembaca tanpa sentuh sekiranya transaksi anda tidak melebihi RM250. Sekiranya transaksi adalah melebihi RM250, anda masih boleh membayar dengan menggunakan Kad Debit tetapi perlu disertakan dengan PIN.

### **Had Kumulatif Tanpa Sentuh**

- Untuk keselamatan tambahan, apabila anda membuat transaksi berjumlah RM400 anda akan diminta untuk melakukan transaksi sentuh beserta PIN untuk meresetkan had tanpa sentuh. Had kumulatif tanpa sentuh anda akan diresetkan semula kepada kosong sebaik sahaja PIN dimasukkan.

### **Menetapkan had anda**

- Anda boleh menetapkan had transaksi dan had kumulatif tanpa sentuh anda dari RM0 – RM400 dengan melawat mana-mana cawangan HLB/HLISB. Sekiranya anda tidak menetapkan had transaksi dan had kumulatif tanpa sentuh, had ini akan ditentukan berdasarkan had penggunaan pembelian runcit yang telah anda tetapkan. Contoh:

<b>Had Pembelian Runcit</b>	<b>Had Transaksi Default Tanpa Sentuh</b>	<b>Had Kumulatif Default</b>
RM100	RM100	RM100
RM300	RM250	RM300
RM500	RM250	RM400

## **11. Pakej-pakej kad Debit-i lain yang disediakan**

- Junior Kad Debit-i Hong Leong

Maklumat yang terdapat di dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah sah dari November 2016